

24/02/2001

Pendirian Pas dedah pertelagahan dalaman

Azhar Abu Samah

PERKATAAN debat dan muzakarah sentiasa bermain di kalangan pemimpin politik dan kebiasaannya digunakan oleh pemimpin Umno dan Pas apabila membabitkan cadangan untuk menyelesaikan sesuatu isu atau perbezaan pendapat yang timbul. Namun, hingga kini belum ada satu pun yang dapat dilangsungkan selepas 1974.

Mengikut Kamus Dewan, perkataan debat atau bahas lebih menjurus kepada pertukaran pendapat dalam soal yang bertentangan membabitkan sesuatu perkara sedangkan muzakarah maksudnya lebih kepada perbincangan mengenai sesuatu masalah.

Antara pelawaan muzakarah yang pernah dicadangkan sebelum ini, khususnya membabitkan pemimpin Pas dan Umno ialah mengenai pelaksanaan hukum hudud, fatwa mengkafir dan mengundi Pas masuk syurga.

Soal debat pula hanya membabitkan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, dan Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, bagi membincangkan hak keistimewaan orang Melayu, yang disifatkan kebanyakan pihak tidak membawa faedah kepada bangsa Melayu, sebaliknya `yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu`.

Ketika semua pihak sudah mula memusatkan tumpuan kepada persetujuan awal Pas dan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu pada 19 Februari lalu, tiba-tiba Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, mengumumkan penangguhan pertemuan itu dan mengemukakan pula syarat baru.

Selepas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menyatakan kesediaan Umno untuk berbincang apa saja isu membabitkan perpaduan bangsa Melayu, termasuk isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Pas pula cuba menangguk di air keruh dengan mengenakan tiga syarat lain, seolah-olah mahu mengambil kesempatan daripada keterbukaan Umno bagi menjayakan pertemuan itu.

Tiga tuntutan itu adalah pra-syarat sebelum bersetuju meneruskan perbincangan berkenaan, iaitu Kerajaan Pusat mengembalikan royalti minyak kepada Terengganu; membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Kini, pelbagai persoalan timbul, siapa sebenarnya yang takut untuk bermuzakarah, sama ada Pas atau Umno, dan apa sebenarnya agenda tersembunyi Pas yang secara tiba-tiba mahu muzakarah itu ditangguhkan, seolah-olah sengaja berniat menggagalkan pertemuan itu.

Kenapa secara tiba-tiba Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang sebelum ini beriya-iyanya menggalakkan muzakarah di antara Pas dan Umno kerana ia selaras dengan tuntutan Islam, mengeluarkan kenyataan bahawa Pas menangguhkan pertemuan pemimpin itu sebagai langkah berwaspada bagi mengelak daripada dieksploitasi.

Dalam soal ini, kita boleh menilai siapa sebenarnya mahu mengeksploitasi pertemuan itu, lebih-lebih lagi mengenakan syarat baru sehari sebelum pertemuan berkenaan berlangsung. Sesungguhnya, alasan Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan bahawa penangguhan itu dibuat kerana Umno tidak dapat memberi kata putus dalam tempoh yang ditetapkan berhubung beberapa tuntutan Pas, jelas memperlihatkan pendekatan mendesak parti itu, selain mahu menggambarkan Umno sebenarnya tidak ikhlas.

Hakikatnya, Pas sebenarnya mengalami masalah dalaman kerana parti itu kini dikuasai dua kelompok pemimpin, iaitu `yang tua` - Fadzil dan Nik Aziz yang dilihat sebagai berfahaman sederhana, manakala yang muda - Timbalan Presiden Pas yang juga Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi

Awang, dan Mahfuz - mewakili kelompok lain yang ekstrim dalam pendekatan mereka.

Ketika Fadzil dan Nik Aziz yang mengamalkan pendekatan terbuka dalam soal politik dengan parti yang memerintah, ada kelompok lain yang melihat apa saja dibuat oleh kerajaan yang dikuasai Umno tidak betul dan tidak Islamik.

Perkembangan mutakhir menjelang berlangsungnya pertemuan perpaduan Melayu, jelas memperlihatkan unsur-unsur ini dalam Pas. Hakikatnya, gesaan Nik Aziz supaya Umno dan Pas bermuzakarah sejak sekian lama dalam menangani perbezaan pendapat di antara kedua-dua parti Melayu itu, lebih bersifat retorik dan hanya bermain politik tanpa ada niat yang ikhlas untuk melaksanakannya.

Kesediaan Umno bermuzakarah jelas memperlihatkan pemimpinnya mahu umat Melayu-Islam bersatu, apatah lagi mereka seagama. Sebaliknya, Pas melihat gagasan pertemuan bagi membincangkan perpaduan Melayu kerana mendakwa Umno sebenarnya berpecah dan bukannya parti itu.

Alasan inilah sebenarnya menjadi bahan berkempen parti itu bagi memperleceh kekuatan Umno, khususnya untuk menarik mereka yang 'di atas pagar', selain mahu menambah kebencian orang Melayu, khususnya golongan muda kepada Umno.

Dakwaan Pas bahawa Umno sudah lemah memperlihatkan kedangkalan parti itu menilai sentimen orang Melayu kini yang mula sedar kekuatan Melayu perlu dijaga demi mengelak 'bumi yang dipijak milik orang'.

Tindakan Umno mahu menjayakan muzakarah itu bukan kerana sudah lemah, sebaliknya ia penting bagi mengurangkan ketegangan dan perpecahan di kalangan orang Melayu. Kuasa politik perlu terus ada di tangan orang Melayu jika tidak mahu kaum ini terpinggir, sebagaimana yang dialami umat Melayu di sebuah negara jiran.

"Muzakarah itu bukan tanda Umno lemah kerana pada 1974, perbincangan yang sama sudah diadakan. Ini adalah cubaan kali kedua bagi mengurangkan ketegangan, perbalahan dan perpecahan di kalangan masyarakat Melayu," kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perlu diakui, sama ada pertemuan ini akan berlangsung atau tidak, Pas akan tetap mengeksploitasinya, khususnya dalam soal perpecahan Melayu. Malah, ada pemimpin Pas melihat usaha menjayakan pertemuan itu tidak ubah seperti mahu menarik parti berkenaan ke dalam pangkuan Umno semula dan menjajanya dalam ceramah mereka di kampung-kampung sedangkan Umno tidak pernah pun terfikir untuk berbuat demikian. Apatah lagi cadangan itu perlu dikaji, diteliti dan mendapat persetujuan semua pemimpin parti komponen dalam Barisan Nasional (BN).

Sementara itu, beberapa pemerhati politik menyifatkan agenda perbincangan yang dituntut Pas yang menyentuh mengenai Anwar memperlihatkan Pas sebenarnya tersepit dan terpaksa menjayakan agenda Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Isu Anwar tidak langsung membabitkan Pas dan sepatutnya diperjuangkan Keadilan, namun atas kesepakatan dalam barisan pembangkang, Pas terpaksa akur dengan kehendak pimpinan Keadilan.

"Isu Anwar biarlah ditentukan oleh mahkamah kerana ia membabitkan soal perundangan dan dirasakan ia bukanlah forum sesuai untuk membangkitkannya, apatah lagi ia diperjuangkan oleh Keadilan.

"Begitu juga isu royalti yang membabitkan Terengganu, pimpinan Pas Terengganu, Hadi Awang, sudah mengumumkan ia akan difailkan di mahkamah dan tidak perlu isu itu diheret dalam perbincangan ini," katanya.

Walau apapun keputusan mengenai muzakarah ini, katanya, Pas akan terus mempolitikkan isu perpecahan Melayu atau kemelut yang berlaku dalam Umno, kerana sememangnya tanpa menyentuh Umno, parti itu tidak akan berjaya menarik sokongan orang Melayu.

"Pas akan untung dari segi politik dengan ada kemelut atau masalah dalam Umno kerana parti ini sememangnya akan tetap menanggung di air keruh. Tanpa Umno, parti itu tidak mempunyai isu untuk menarik sokongan," katanya.

Malah, sememangnya Pas mengharapkan pertemuan itu tidak akan berjaya kerana jika diteruskan, ia akan menutup peluang Pas untuk menarik sokongan orang Melayu kerana semua yang dibincangkan itu akan diketahui umum.

Baginya, Pas boleh memberi 10 alasan untuk menggagalkan perjumpaan itu, malah ia juga boleh menyediakan 10 alasan untuk memastikan ia dilangsungkan dengan jayanya.

"Kekuatan yang ada pada Pas hari ini ialah kerana kelemahan Umno dan jika kekuatan Umno dapat dipulihkan semula, Pas akan kehilangan sokongan," katanya.

Walaupun berlaku, hakikatnya keikhlasan diperlukan bagi menjayakan pertemuan bagi membincangkan soal perpaduan Melayu.

Jika sebelum ini, Nik Aziz mengeluarkan kenyataan menghargai keikhlasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sanggup berdepan dengan pemimpin Pas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu, termasuk memanjatkan rasa syukur kepada Allah kerana membuka hati pemimpin Umno itu untuk berjumpa orang Pas, sewajarnya Pas juga memilih jalan yang sama.

Tetapi Pas memilih untuk mengenakan syarat pada saat-saat akhir bagi menggagalkannya dan kemudian menuding jari kepada Umno kononnya kerana gagal memberikan maklum balas.

(END)